

Press Clipping

PKFZ mampu tarik 600 syarikat

Saya yakin banyak syarikat yang beroperasi di sini akan merebut peluang membuka perniagaan mereka di PKFZ kerana optimistik dengan potensi pasaran

NOEL GULLIVER
Pengarah Urusan PKFZ



NOEL GULLIVER

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

KUALA LUMPUR 18 Jun - Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang bakal dilancarkan pada awal bulan depan dijangka mampu menarik sehingga 600 buah syarikat tempatan dan asing dalam tempoh tujuh dan 10 tahun akan datang.

Pengarah Urusan PKFZ, Noel Gulliver berkata, setakat ini sebuah syarikat antarabangsa, Akae Kavaener telah mengesahkan penyertaan mereka di PKFZ manakala lebih 400 syarikat tempatan dan antarabangsa pula menunjukkan minat yang tinggi untuk beroperasi di sana.

"Saya yakin PKFZ tidak sukar dipasarkan kerana ia adalah zon industri dan pusat komersial bebas bersepadu yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara dan memiliki 550 pelanggan di rantau tersebut.

"Lagipun, pada masa sama kami mendapat bantuan promosi daripada Jafza International, pihak yang menguruskan Kawasan Zon Perdagangan Bebas Jebel Ali (JAFZA) di Dubai," katanya.

Beliau bercakap kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di seminar *Peluang-Peluang Pelaburan di Pelabuhan Klang* di Dubai baru-baru ini.

Seminar anjuran PKFZ, Pelabuhan Klang Malaysia, Westport Malaysia dan Jafza International itu diadakan bagi mempromosi zon bebas tersebut di kalangan peserta pelbagai industri di Emi-

riyah Arab Bersatu.

PKFZ dibangun dan dimiliki sepenuhnya oleh Pelabuhan Klang Malaysia tetapi diurus dan dipasarkan oleh Jafza International.

Selain Emiriah Arab Bersatu, PKFZ telah menjalankan promosi di Hannover, London, Stockholm, Frankfurt dan China.

Menurut beliau, kelebihan utama PKFZ ialah terletak di lokasi strategik, berhampiran Westport, pelabuhan yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan bertaraf dunia serta mempunyai 500 rangkaian pelabuhan dengan 120 buah negara.

Selain itu, tambahnya, PKFZ juga hampir dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan dilengkapi dengan kemudahan jaringan jalan raya serta landasan kereta api.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Jafza International, Salma Hareb ketika ditemui *Utusan Malaysia* memberitahu, pihaknya sedang giat menjalankan promosi di kalangan para pelanggan mereka di JAFZA.

Kata, sehingga kini ada beberapa syarikat asing yang beroperasi di Jebel Ali telah menyatakan persetujuan untuk membuka operasi mereka di PKFZ sementara 100 syarikat lagi mahu menunggu sehingga PKFZ beroperasi sepenuhnya.

"Saya yakin banyak syarikat-syarikat yang beroperasi di sini akan merebut peluang untuk membuka perniagaan me-

reka di PKFZ kerana optimistik dengan potensi pasaran di sana," ujarnya.

Gulliver memberitahu, zon bebas yang dibangunkan di kawasan seluas 400 hektar itu mempunyai pusat industri kecil, gudang, kompleks perniagaan dan tanah yang disewa pada harga RM18 bagi setiap 0.09 meter persegi untuk tempoh sehingga tiga tahun.

Menurut Gulliver, 98 peratus daripada kemudahan tersebut sudah siap dan ia dijangka boleh digunakan mulai 1 Julai ini selain 256 hektar tanah bagi kegunaan bebas untuk disewa sehingga 30 tahun.

Menurut beliau, PKFA yang merupakan pelaburan kedua terbesar kerajaan dalam sektor pelabuhan menasarkan penyertaan daripada sektor pembuatan seperti pemprosesan; logistik termasuk pengagihan, penstoran, hab perdagangan.

Industri lain yang menjadi sasaran ialah sektor nilai tambah iaitu pemasangan, pelabelan dan pembungkusan; perdagangan, perkhidmatan komersial dan pusat perkhidmatan.